

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN/BERTULIS**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah langkah diambil pihak Kementerian selari dengan Dasar Keusahawanan Nasional bagi memastikan agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai segmen keusahawanan tidak bergerak secara solo (bersendirian) malah mampu bekerjasama secara "CrossFunctional".

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) menggariskan strategi jangka panjang bagi menetapkan hala tuju pembangunan keusahawanan negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan Unggul menjelang tahun 2030.
2. DKN2030 diperkenalkan sebagai panduan untuk menyediakan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif yang mampu menyokong dan memudahkan cara segala bentuk aktiviti keusahawanan merangkumi elemen pasaran, dasar dan polisi, pembiayaan, sokongan, budaya, kemahiran dan bakat serta teknologi dan inovasi, di mana elemen-elemen ini terletak di bawah peranan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan.
3. Justeru itu, pelbagai usaha dan langkah telah dilaksanakan bagi memastikan agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan program

pembangunan keusahawanan tidak bergerak secara bersendirian sebaliknya bekerjasama antara satu sama lain bagi memastikan pengagihan berkesan kepada kumpulan sasar dan mengurangkan pembaziran sumber, di antaranya melalui:

- (i) penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan keanggotaan 20 orang ahli tetap yang terdiri daripada 17 Kementerian. MPUPK bertindak sebagai badan pembuat dasar bagi pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) secara menyeluruh dan terselaras merentas semua sektor ekonomi di Malaysia. MPUPK juga merupakan platform bagi membincang dan menyelaras perkara-perkara berkaitan keusahawanan yang merentas pelbagai kementerian dan agensi;
- (ii) pewujudan Pusat Sehenti Keusahawanan (PSK) MED yang menyediakan platform penyebaran maklumat mengenai usahawan dan PKS serta sebagai pusat rujukan setempat yang mengumpulkan maklumat dari pelbagai agensi. PSK MED berperanan sebagai pusat penyimpanan data, mengumpul maklumbalas serta memberi khidmat nasihat kepada usahawan dari seluruh negeri. Selain itu, perkhidmatan ini turut disediakan secara dalam talian (*online*) melalui pautan [psk.med.gov.my](http://psk.med.gov.my); dan
- (iii) Kerjasama dan kolaborasi strategik antara MED dengan kementerian dan agensi lain yang berkaitan bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang telah digariskan di bawah DKN2030. Sebagai contoh, kerjasama MED dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Standard Malaysia dalam pembangunan Industri Halal.

Sekian, terima kasih.